

# BUSINESS INFORMATION SERVICE



*Business Information Service (BIS)* menyediakan maklumat berkaitan perniagaan dan keusahawanan di Sarawak.

**TAJUK** : Skim Pembiayaan Pembelian Premis Perniagaan (SPiM Premis)

**BUTIRAN** : Skim Pembiayaan Pembelian Premis Perniagaan (SPiM Premis) adalah skim membantu usahawan memiliki bangunan sendiri serta menambah pemilikan aset bukan kewangan Bumiputera.

Butiran mengenai Objektif, Terma dan Syarat, Bantuan dan lain boleh didapati di pautan berikut:

<https://www.mara.gov.my/skim-pembiayaan-pembelian-premis-perniagaan-spim-premis/>

Borang permohonan didapati pada pautan berikut:

<https://www.pmbtijari.com.my/sppremis/>

Untuk sebarang pertanyaan anda boleh menghubungi talian berikut:

- **Talian Utama MARA: 03-26132000**
- **Emel Rasmi MARA: [informasi@mara.gov.my](mailto:informasi@mara.gov.my)**

**CATATAN** : Maklumat diperolehi daripada Laman Sesawang MARA pada 16 Disember 2024.

## Sarawak ID online registration

Scan the QR code to join as a member now!



## Business Information Service

### Skim Pembiayaan Pembelian Premis Perniagaan (SPiM Premis)

**Note:** Kindly scan the QR Code for full text online (available only for members)

## Online Database Article

- |                        |                                                       |
|------------------------|-------------------------------------------------------|
| <b>1 Article Name:</b> | Tingkat promosi, memudahkan proses permohonan bantuan |
| <b>Date:</b>           | 3 Disember 2024                                       |
| <b>Publication:</b>    | Berita Harian                                         |
| <b>Source:</b>         | PressReader                                           |

### Tingkat promosi, memudahkan proses perniagaan

Oleh **Muhamad Nasrullah Zamri**  
bhrencana@bh.com.my

Di sebalik pelbagai inisiatif kerajaan meningkatkan kesejahteraan rakyat, masih ramai dalam kalangan Bumiputera tidak menyedari pelbagai bentuk bantuan disediakan.

Bantuan meliputi pendidikan, ekonomi, kesihatan dan perumahan itu, bertujuan mengurangkan jurang pendapatan serta mempertingkatkan kualiti hidup rakyat.

Namun, kesedaran dan pemahaman masyarakat, terutama di luar bandar dan dalam kalangan kurang berpendidikan, masih berada pada tahap rendah.

Akibatnya, banyak bantuan tidak 'sampai' kepada golongan benar-benar memerlukan. Ini disebabkan kekurangan maklumat jelas dan mudah difahami mengenai program bantuan ditawarkan.

Banyak bantuan tidak dipromosikan meluas atau dijelaskan terperinci, hingga individu layak tidak tahu cara memohon.

Proses permohonan rumit dan syarat kompleks turut menjadi halangan, terutama bagi mereka tidak berpengalaman dalam urusan birokrasi.

Keterbatasan akses teknologi dan internet di luar bandar juga menyukarkan golongan ini mendapatkan maklumat diperlukan.

Persepsi negatif terhadap keberkesanan bantuan kerajaan dan kurangnya promosi di platform media sosial, turut menghalang penglibatan masyarakat dalam memanfaatkan bantuan disediakan.

Tidak hairanlah banyak bantuan seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR), skim pembiayaan perumahan dan insentif keusahawanan tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka yang layak.

#### Akses teknologi terbatas

Akses terbatas kepada teknologi dan internet, ditambah dengan persepsi bahawa bantuan kerajaan rumit dan sukar dicapai, membataskan pembabitatan masyarakat.

Contohnya, terdapat pelbagai bantuan dan insentif keusahawanan disediakan agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) seperti Skim Pembiayaan Perniagaan Mudah Jaya (SPiM) menawarkan pembiayaan untuk modal pusingan, pembelian mesin dan peralatan serta pengubahsuaian premis perniagaan.

Selain itu, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) turut menyediakan Skim Pembiayaan Tekun Niaga termasuk Skim Pembiayaan Kecil (SPK) dan Skim Pembiayaan Sederhana (SPS) menawarkan pembiayaan hingga RM100,000 bagi usahawan, terutama mereka baru memulakan perniagaan.

Bagi mengatasi isu ini, beberapa langkah penting perlu diambil.

Pertama, kerajaan perlu memperhebat kempen kesedaran melalui pelbagai saluran media, terma-



## Pustaka Negeri Sarawak Book Collection

- 2 **Book Title:** Business ethics as practice : ethics as the everyday business of business
- Date:** 2011
- Publication:** New York : Cambridge University Press, 2011
- Format:** Book

